

24/12/1997

Mengekang aktiviti penyangak ekonomi

Azman Abdul Hamid

PERSAINGAN dunia maju dan membangun, khususnya di antara Islam dan Barat, akan lebih menonjol pada 1998, kerana pertikaian itu dipentaskan melalui penguasaan isu ekonomi dan percaturan politik kuasa besar.

Krisis ekonomi yang melanda Asia pada enam bulan terakhir 1997 menyaksikan kekuatan negara Barat menguasai dasar ekonomi antarabangsa melalui penggunaan modal secara individu atau berkumpulan.

Sungguhpun masalah dirasakan semua, Indonesia, negara yang mempunyai penduduk Islam paling ramai di dunia sudah tunduk dengan market forces (aliran pasaran) apabila memohon pakej bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana penurunan nilai mata wang dan sahamnya.

Selain mencetuskan kebimbangan mengenai kemelesetan ekonomi, masalah itu menjadi punca pemimpin tertentu melepaskan jawatan kerana tidak sehaluan dengan aliran pasaran.

Misalnya, sejak pertengahan 1997, Thailand mula dihantui masalah ekonomi dengan penurunan nilai mata wangnya, baht, diikuti dengan kejatuhan pasaran saham yang tidak henti-henti.

Masalah ekonomi terburuk dalam sejarah Thailand itu memaksa Perdana Menteri, Chavalit Yongchaiyudh, meletak jawatan dan diganti oleh Chuan Leekpai tetapi nyata krisis belum menampakkan tanda kembali pulih.

Banyak pihak masih tertanya-tanya bagaimana masalah Thailand boleh merebak ke seluruh Asia Tenggara hingga dirasakan di seluruh dunia.

Antara sebab yang diberi sehingga ini ialah penyelewengan dalam pengurusan ekonomi merujuk kepada rasuah selain boros berbelanja.

Ada juga yang merujuk kepada sistem pemerintahan di Asia yang dikatakan terlalu dikuasai satu rejim atau individu tertentu seperti pemimpin Indonesia, Presiden Suharto yang memerintah lebih tiga dekad lalu hingga menenggelamkan proses isu penggantinya.

Cuma, pelbagai sebab walau sekecil manapun, kini dijadikan alasan mengurangkan keyakinan terhadap sistem ekonomi sesebuah negara.

Contohnya, berita mengenai Suharto demam hingga tidak dapat hadir pada sidang tidak rasmi Asia di Kuala Lumpur, digambarkan punca kejatuhan teruk 22 peratus nilai pasaran saham negara itu.

Dari segi ini juga, kawan boleh jadi lawan. Begitulah yang terjadi kepada Korea Selatan. Kerana sudah biasa bergantung kepada Amerika Syarikat, pemimpin negara itu hanya meminta bantuan IMF pada saat akhir selepas Washington mendiamkan diri.

Lebih membimbangkan bagi Seoul, dan bagi negara membangun lain, kelulusan pinjaman IMF gagal menghentikan penurunan berterusan pasaran kewangannya.

IMF adalah badan bantuan kewangan utama antarabangsa yang dipimpin Michel Camdessus di mana pembiaya badan ini adalah negara-negara G7.

Tidak hairanlah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal-awal lagi mengingatkan pemimpin dan institusi kewangan utama Barat supaya mewujudkan peraturan dalam urus niaga mata wang jika mereka benar-benar mengamalkan transparency (dasar keterlusan) dalam perniagaan.

Pun begitu, tidak juga perlu dihairankan mengapa negara kuasa besar ekonomi dunia membisu sambil memandang rendah cadangan Dr Mahathir supaya kegiatan peniaga mata wang seperti George Soros atau tabung mata wang firma asing dikenakan peraturan tertentu.

Semuanya berpunca daripada satu faktor iaitu kekuatan modal. Sama ada secara individu atau berkumpulan, modal pelabur asing adalah penggerak

utama ekonomi dunia membangun.

Jika tidak, tidak mungkin negara membangun menghadapi masalah apabila pelabur asing mengeluarkan modal dan melabur di tempat lain.

Kesannya sudah dirasai, mengikuti contoh Malaysia, gaji menteri dan pegawai kerajaan dipotong manakala penduduk terpaksa `ikat perut' menghadapi kegawatan ekonomi.

Di Indonesia, beberapa syarikat penerbitan akhbar dilaporkan akan gulung tikar kerana kenaikan kos operasi. Malah di Malaysia, akhbar Melayu ketiga terbesar iaitu Watan, terpaksa ditutup.

Sungguhpun Bank Pembangunan Islam (IDB) baru-baru ini menyuarakan kesediaan membantu anggotanya yang dilanda masalah, kurangnya penawaran negara Islam yang dianggap berpengaruh, untuk membantu negara Islam lain menunjukkan kejayaan dunia Barat mengongkong negara Islam.

(END)